

21/02/2001

MAS disusun semula (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Penerbangan Malaysia (MAS), yang jumlah 22,000 kakitangannya dikatakan melebihi keperluan dan kerugian sejak krisis kewangan serantau pada 1997, akan disusun semula.

Pengerusinya yang baru, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata kajian sudah dimulakan bagi mendapatkan gambaran bagaimana penyusunan semula itu akan dilakukan.

"Penyusunan semula ini akan dilakukan selepas hasil kajian selesai. Kita akan mengambil tindakan untuk mengatasi sebarang masalah dan kelemahan yang ada pada MAS.

"Kajian itu sedang dilakukan sekarang," katanya kepada Berita Harian selepas pertama kali memasuki pejabatnya di Bangunan MAS di Jalan Sultan Ismail, di sini hari ini.

Azizan, yang juga Pengerusi Petronas dan Presiden Perbadanan Putrajaya, disambut Pengarah Urusan MAS yang baru, Datuk Md Nor Md Yusof. Selepas diperkenalkan kepada kakitangan, beliau mendengar taklimat mengenai pentadbiran dan operasi syarikat penerbangan kebangsaan itu.

Pelantikan Azizan sebagai pengerusi bukan eksekutif MAS diumumkan oleh Kementerian Kewangan, Rabu lalu, berikutan kerajaan menerima permohonan pengunduran Tan Sri Tajudin Ramli, daripada jawatan itu.

Peletakan jawatan Tajudin dan pelantikan Azizan serta Md Nor dibuat setelah selesainya urusan penjualan 29.09 peratus saham MAS oleh Naluri Bhd kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) pada pertimbangan RM1.792 bilion.

Penganalisis ketika dihubungi, percaya antara langkah yang mungkin dilakukan dalam penyusunan semula itu ialah memberhentikan penerbangan ke laluan tidak menguntungkan, mengurangkan kos dengan mengadakan ikatan dengan syarikat penerbangan lain yang mempunyai kelebihan pasaran di benua tertentu serta membaik pulih semula perniagaan dan merangka pelan baru.

Kerajaan baru-baru ini membayangkan kemungkinan memecahkan operasi MAS kepada dua iaitu penerbangan domestik dan antarabangsa selepas menyelesaikan pembelian saham daripada Naluri Bhd.

Ditanya sama ada penyusunan semula itu akan menyaksikan perubahan drastik dalam operasi MAS, termasuk mengurangkan jumlah kakitangan, Azizan berkata semua aspek akan diteliti.

"Itu belum dapat lagi kita nak kata (pembuangan pekerja). Saya juga belum dapat mengatakan sama ada kita (MAS) mempunyai masalah lebih kakitangan atau tidak. "Tetapi, walau apa saja kekuatan kakitangan (yang ada), kita akan menimbang dengan teliti sebelum sebarang tindakan diambil. Semua ini patut dipertimbangkan sebaik mungkin," katanya.

Azizan berkata, beliau belum mendapat taklimat penuh mengenai operasi MAS dan kunjungan pertamanya hari ini adalah untuk mengetahui lebih dekat operasi syarikat itu serta masalahnya supaya tindakan sewajar dapat diambil.

Beliau juga enggan mengulas desakan Kerajaan Sarawak supaya pengurusan baru MAS tidak menaikkan kadar tambang dalam negara.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Kakitangan Penerbangan Malaysia (Maseu), Alias Aziz, ketika dihubungi di Pulau Pinang berkata, pihaknya yang mewakili 10,000 ahli berharap penyusunan semula MAS tidak membabitkan pembuangan kakitangan.

Katanya, Azizan perlu menjadikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan lalu bahawa kerajaan memberi jaminan

kepentingan pekerja MAS tetap dijaga kerana mereka adalah aset paling berharga dalam kemajuan dan perkembangan negara, sebagai garis panduan.

"Dalam penyusunan semula ini, apa yang perlu diberi penekanan ialah suntikan modal supaya syarikat ini mampu membuat perancangan masa depan. MAS berhadapan dengan masalah kewangan.

"Kami juga mahu hubungan industri antara pekerja dan pengurusan MAS dirapatkan melalui pengurusan baru.

Kini kami sudah kembali menjadi kakitangan kerajaan setelah MoF mengambilalih, walaupun tangga gaji masih mengguna pakai kategori swasta," katanya.

(END)